

# Sumber-sumber Maklumat Mengenai Undang-undang Malaysia

Datin Shaikha Zakaria\*

**Abstrak :** Artikel ini menghuraikan situasi mengenai sumber-sumber maklumat bagi undang-undang Malaysia. Ini adalah memandangkan bahawa undang-undang merupakan satu disiplin yang berdasarkan kepada penyelidikan. Sistem dapat kembali maklumat amat penting bagi penyelidikan undang-undang. Pangkalan data undang-undang tempatan juga dihuraikan.

**Abstract :** This article describes the situation as regards the sources of information on law in Malaysia. This is in view of the fact that law is a research-based discipline, and the retrieval of information from primary legal sources is an essential part of any legal research. Local computerized legal databases are also described.

## Pendahuluan

Undang-undang adalah satu disiplin yang berdasarkan kepada penyelidikan. Oleh yang demikian, sistem dapat kembali maklumat mengenai sumber-sumber utama undang-undang adalah amat perlu bagi apa jua penyelidikan undang-undang yang dijalankan. Malaysia termasuk dalam lingkungan sistem 'Common Law' yang memberi keutamaan kepada keputusan-keputusan mahkamah dan statut. Para peguam menghadapi masalah yang rumit untuk mencari beribu-ribu laporan keputusan-keputusan mahkamah dan statut yang kian bertambah dengan pesatnya setiap tahun.

## Bahan Rujukan Tempatan

### (a) Ringkasan-ringkasan Kes-kes (Digests)

Sistem laporan perundangan di Malaysia bermula pada pertengahan abad kesembilan belas dengan terbitnya *Wood's Oriental Cases : A Selection of Cases Decided in the Supreme Court of the Straits Settlements, 1842–1869*.<sup>1</sup> Berbagai laporan perundangan

diterbitkan selepas itu hingga ke tahun 1932 apabila sistem laporan bagi seluruh Malaya dilancarkan dengan penerbitan *Malayan Law Journal*.<sup>2</sup> Jurnal ini masih kekal sebagai laporan perundangan yang utama bagi Malaysia dan Singapura. Satu lagi penerbitan yang mengikut bentuk *Malayan Law Journal* adalah *Malaysian Current Law Journal*<sup>3</sup> yang mula diterbitkan pada tahun 1981.

Beberapa ringkasan kes-kes telah diterbitkan untuk membantu pendapat kembali maklumat bagi undang-undang kes di Malaysia. Yang pertama ialah *Pallonjee's Digest of Cases, 1808–1911*<sup>4</sup> yang diterbitkan pada tahun 1915. Penerbitan ini mengandungi kes-kes Straits Settlements dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Dalam tahun 1929 McCabe-Reay mengeluarkan *Digest of Reported Cases, 1897–1926*<sup>5</sup> yang diikuti oleh *Federated Malay States Digest*<sup>6</sup> oleh H.C. Willan pada tahun 1936. Withers Payne juga menyusun ringkasan kes yang berjudul *The Malayan Digest, 1808–1933*<sup>7</sup> dalam tahun 1936, dengan dua jilid tambahan bagi tahun 1937 dan 1941.

\*Timbalan Ketua Pustakawan, Universiti Malaya.

<sup>1</sup> Penang: Printed for Private Circulation, 1869. Reprinted 1911 (Sweet and Maxwell, London).

<sup>2</sup> Singapore: Malayan Law Journal Office, 1932–

<sup>3</sup> Kuala Lumpur: Malaysian Current Law Journal Sdn. Bhd., 1981–

<sup>4</sup> Singapore: Methodist Publishing House, 1915.

<sup>5</sup> Kuala Lumpur: F.M.S. Govt. Press, 1929.

<sup>6</sup> Kuala Lumpur: F.M.S. Govt. Press, 1936. Jilid tambahan, 1941.

<sup>7</sup> Singapore: Malayan Law Journal Office, 1936.

*Mallal's Digest of Malayan Case Law*<sup>8</sup> mula diterbitkan dalam tahun 1940 oleh Bashir A. Mallal. Edisi yang pertama ini mengandungi keputusan-keputusan kes di mahkamah-mahkamah Malaya dari tahun 1808 hingga 1939. Edisi kedua diterbitkan pada tahun 1953. Ini diekori oleh jilid tambahan pada tahun 1958 yang termasuk keputusan-keputusan kes mahkamah-mahkamah di Brunei, Sarawak dan North Borneo, iaitu dari tahun 1928 hingga tahun 1956. Edisi ketiga pula dikeluarkan pada tahun 1967.

Bashir Mallal meninggal dunia pada tahun 1972 sebelum menyiapkan edisi ketiganya yang dirancangkan sebagai terbitan sebanyak lima jilid. Akan tetapi, Profesor Tan Sri Ahmad Ibrahim dapat mengeluarkan jilid keempat.<sup>9</sup> Jilid kelima belum lagi diterbitkan.

Satu lagi ringkasan kes-kes ialah *The Malaysia and Singapore Case Citor* yang dikeluarkan oleh Malaysian Law Publishers dalam tahun 1983. Ia mengandungi kes-kes mahkamah dari tahun 1966 hingga tahun 1982.

Penerbit Butterworths telah mengambil alih penerbitan *Malayan Law Journal* pada bulan Oktober 1987. Sejak itu Butterworths telah juga mengeluarkan *Butterworths Law Digest: Malaysia, Singapore and Brunei*.<sup>10</sup> Ia juga mengandungi catatan-catatan statut dan perundangan kecil (subsidiary legislation) dari Malaysia dan Singapore, termasuk juga ringkasan-ringkasan kes yang penting dari United Kingdom dan Australia.

Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur ada juga menerbitkan *The Malaysian Digest*<sup>11</sup> yang diedarkan tiap suku tahunan kepada semua hakim di Malaysia.

#### (b) Indeks Undang-undang

Indeks undang-undang yang pertama diterbitkan di Malaysia ialah *Index to the Laws of the Straits*

*Settlements*<sup>12</sup> oleh Norton Kyshe yang mengandungi dua jilid, iaitu pada tahun 1882 dan 1883. Edisi kedua dikeluarkan dalam tahun 1893. Ini diikuti oleh lima indeks lain : oleh Buckley (1897),<sup>13</sup> Koek (1900),<sup>14</sup> Braddel (1924)<sup>15</sup> dan Government Printing Office di Singapura (1934 dan 1948).

Indeks-indeks kepada undang-undang Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ialah *A Chronological List of Federal Enactments, 1909–1934, with Rules*<sup>16</sup> dan *Chronological Lists of State and Federal Laws, 1877–1934, with Rules*<sup>17</sup> oleh H.A. Forrer. Indeks-indeks kepada undang-undang tiap-tiap negeri ada juga diterbitkan.<sup>18</sup>

Dari masa kesemasa indeks-indeks kepada undang-undang Persekutuan Malaya dan Malaysia juga diterbitkan. Indeks yang terkini ialah *The Federal Statute Law Referencer*<sup>19</sup> yang disusun oleh S. Sivaswamy dan S. Ramaswamy. Indeks ini mengandungi senarai berabjad Akta-Akta dan Ordinan-Ordinan yang berkuatkuasa setakat 31hb Julai 1986. Indeks ini juga mengandungi senarai Akta-Akta dalam Bahasa Malaysia.

Perpustakaan Undang-Undang Universiti Malaya ada juga mengeluarkan sebuah indeks berbentuk mimeograf yang berjudul *Senarai Undang-undang Malaysia dan Singapura* dari tahun 1975 hingga kini sebagai senarai sukutahunan.

#### (c) Indeks Makalah Undang-undang

Kini terdapat dua indeks kepada artikel undang-undang. Yang pertama ialah *A Guide to Malaysian and Singapore Legal Periodicals*<sup>20</sup> oleh Siti Hanifah Mustapha, dan yang kedua ialah *Index to Singapore/Malaysia Legal Periodicals 1932–1984*<sup>21</sup> oleh Molly Cheang, Sng Yok Fong dan Carolyn Wee. Indeks ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian tajuk perkara dan indeks pengarang/judul.

<sup>8</sup> Singapore: Malayan Law Journal, 1940.

<sup>9</sup> Singapore: Malayan Law Journal, 1978.

<sup>10</sup> Singapore: Butterworth & Co. (Asia) Pte. Ltd., 1987–

<sup>11</sup> Kuala Lumpur: High Court, 1985–

<sup>12</sup> Singapore: Straits Times Press, 1882 – 1883

<sup>13</sup> Singapore: 1897.

<sup>14</sup> Singapore: Printed at the American Mission Press, 1900.

<sup>15</sup> Singapore: Government Printing Office, 1924.

<sup>16</sup> [n.p., n.d.]. Indeks ini mungkin diterbitkan oleh F.M.S. Govt. Press pada tahun 1935.

<sup>17</sup> Kuala Lumpur: F.M.S. Govt. Press, 1935.

<sup>18</sup> Sila lihat Datin Shaikha Zakaria, "Sources and Literature of Malaysian Law, *Journal of Malaysian and Comparative Law*, Jil. 14, 1987, m.s. 116–122.

<sup>19</sup> Kuala Lumpur: S.S. Management, 1986.

<sup>20</sup> Kuala Lumpur: Malaysian Law Publishers, 1984.

<sup>21</sup> Singapore: Malayan Law Journal, 1986.

#### (d) Bahan Bibliografi dan Rujukan

Sebelum tahun 1960an, bahan-bahan undang-undang disenaraikan dalam bibliografi-bibliografi am seperti *Bibliography of Malaya*<sup>22</sup> oleh Cheeseman dan *Malaya: A Background Bibliography*<sup>23</sup> oleh Beda Lim. Bibliografi undang-undang yang pertama ialah *Malayan Legal Bibliography*<sup>24</sup> oleh Bashir Mallal. Bibliografi ini menyenaraikan bahan-bahan secara kronologi dari tahun 1807 hingga tahun 1961.

Ini diikuti oleh *A Legal Bibliography of the British Commonwealth of Nations*<sup>25</sup> yang disusun oleh L.F. Maxwell dalam tahun 1964. Bahan-bahan undang-undang Malaysia termasuk di dalamnya. Dalam tahun 1967 Brown dan Srinivasagam menghasilkan sebuah bibliografi yang berjudul *Bibliographical Introduction to Legal History and Ethnology*.<sup>26</sup> M.B. Hooker juga menerbitkan *A Source Book of Adat, Chinese Law and the History of Common Law in the Malayan Peninsula*<sup>27</sup> pada tahun yang sama.

Lepas selang kira-kira limabelas tahun barulah muncul bahan-bahan rujukan undang-undang Malaysia sekali lagi. *Law Reports in the Law Library, University of Malaya: A Guide*,<sup>28</sup> dan *Malaysia: A Select Legal Bibliography, 1982–1983*<sup>29</sup> oleh penulis diterbitkan pada tahun 1983.

Bahan-bahan rujukan yang lain oleh penulis termasuk *Statement of Recommended Holdings of Malaysian Legal Materials*<sup>30</sup> (1983); *Malaysia: A*

*Bibliography*<sup>31</sup> (1984); *Malaysian Legal Source Materials in London, Oxford and Cambridge*<sup>32</sup> (1985); *Malaysia: A Select Bibliography, 1984–1985*<sup>33</sup> (1985); *The Legal Literature of Malaysia*<sup>34</sup> (1986), dan *Sources and Literature on Malaysian Law*<sup>35</sup> (1987). Sebuah bibliografi undang-undang Malaysia sedang disusun dan dijangka siap pada akhir tahun ini.

Dua bibliografi telah diterbitkan oleh Perpustakaan Undang-undang, Universiti Malaya. Satu ialah *Dissertations, Theses and Project Papers in the University of Malaya Law Library*<sup>36</sup> oleh Chan Sai Noi, Molly Chuah dan Sharipah Hanon Bidin. Yang kedua ialah *Constitutional Law in Malaysia: A Bibliography*.<sup>37</sup>

Dua kamus undang-undang telah juga dihasilkan, iaitu *Malaysian Law Dictionary: A Definition of Statutory Terms* oleh Malaysian Law Publishers (1985) dan *Istilah Undang-undang* (1986) dalam bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia dan Bahasa Malaysia-Inggeris oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

#### (e) Triti dan Perjanjian

Koleksi triti yang pertama diterbitkan adalah *Treaties and Engagements with the Native States of the Malay Peninsula*<sup>38</sup> oleh Colonel Cavenagh. Dalam tahun 1924 W.G. Maxwell dan W.S. Gibson mengeluarkan *Treaties and Engagements Affecting the Native States and Borneo*<sup>39</sup> yang mengandungi

<sup>22</sup> London: Longmans, Green, 1959.

<sup>23</sup> Dalam *Journal of the Malayan Branch, Royal Asiatic Society*, Jil. 35(2–3), 1962, m.s. 1–199.

<sup>24</sup> Dalam *Majalah Perpustakaan Singapura*, Jil. 1, Bil. 2, 1961, m.s. 55–75.

<sup>25</sup> London: Sweet & Maxwell, 1964.

<sup>26</sup> Brussel: Institut de Sociologie, Université Libre de Bruxelles, 1967.

<sup>27</sup> Singapore: Malaya Law Review, University of Singapore, 1967.

<sup>28</sup> Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya, 1983.

<sup>29</sup> Dalam *Survey of Malaysian Law*, 1983, m.s. 374–399.

<sup>30</sup> Dalam *Malaya Law Review*, Jil. 25, 1983, m.s. 238–249; juga *Journal of Malaysian and Comparative Law*, Jil. 11, 1984, m.s. 219–230

<sup>31</sup> Dalam *Constitutions of the Countries of the World*, m.s. 237–337. Dobbs Ferry, N.Y: Oceana Publications, 1984.

<sup>32</sup> Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya, 1985.

<sup>33</sup> Dalam *Survey of Malaysian Law*, 1985, m.s. 374–399.

<sup>34</sup> Dalam *Malaysian Legal Essays*, m.s. 335–378. Edited by M.B. Hooker. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal, 1986.

<sup>35</sup> Dalam *Journal of Malaysian and Comparative Law*, Jil. 14, 1987, m.s. 109–155.

<sup>36</sup> Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya, 1986.

<sup>37</sup> Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya, 1987.

<sup>38</sup> Singapore: Govt. Printer, 1884.

<sup>39</sup> London: Jas. Truscott, 1924.

triti-triti dari tahun 1761. Koleksi ini menjadi sumber triti yang tunggal selama limapuluh tahun, iaitu, sehingga J. de V. Allen, A.J. Stockwell dan L.R. Wright menghasilkan *A Collection of Treaties and Other Engagements Affecting the States of Malaysia, 1761–1963*.<sup>40</sup>

Dengan tertubuhnya ASEAN, Sekretariat ASEAN di Jakarta menerbitkan *ASEAN Documents Series, 1967–1986* sebagai kumulasi tahunan. Satu lagi penerbitan ialah *Multilateral Treaties Between ASEAN Countries*.<sup>41</sup>

Hingga kini Malaysia tidak ada siri tritinya sendiri. Akan tetapi, senarai-senarai triti di antara Malaysia dan negara-negara lain boleh didapati dalam majalah *Foreign Affairs Malaysia*.<sup>42</sup>

#### (f) Pangkalan Data Undang-undang (Legal Databases)

Sistem dapat kembali maklumat undang-undang secara komputer digunakan dengan luasnya di fakulti-fakulti undang-undang dan firma-firma di luar negeri. Sistem LEXIS adalah satu sistem yang terkenal di Amerika Syarikat dan United Kingdom. Sistem ini tidak dipasarkan di sini. Dan lagi sistem yang berkenaan hanya memberi akses dan maklumat undang-undang Amerika dan Inggeris.

Baru-baru ini satu sistem dapat kembali maklumat undang-undang Malaysia telah dimulakan atas dasar langganan. Sistem ini ialah sistem LAWSEARCH<sup>43</sup> yang dilancarkan pada bulan Julai

1987. Bagi peringkat pertama, LAWSEARCH mengandungi dalam pangkalan datanya teks penuh mengenai keputusan-keputusan mahkamah di Malaysia dan Singapura dari tahun 1951. Keputusan-keputusan kes kini yang belum diterbitkan juga disertakan. Setakat ini sistem LAWSEARCH belum digunakan di seluruh Malaysia.

Satu lagi sistem dapat kembali maklumat secara komputer telah dimulakan baru-baru ini oleh Syarikat SMPD Consultants. Sistem ini adalah khas untuk semua keputusan Mahkamah Perindustrian dari tahun 1956 hingga kini. Perkhidmatan ini juga diberi atas dasar langganan.

#### Penutup

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, sumber-sumber maklumat undang-undang Malaysia masih terdapat dalam bentuk tradisional. Kegunaan komputer adalah lebih sesuai untuk mendapat kembali maklumat yang terkini, terutamanya bagi undang-undang statut dan kes-kes. Ini akan menambahkan kecekapan dan kepantasan perkhidmatan rujukan dan maklumat di perpustakaan-perpustakaan undang-undang.

Indeks-indeks dalam bidang undang-undang perlu diterbitkan secara sistematik dan semasa supaya maklumat kini dapat diakses dengan mudah. Indeks kepada semua triti dan perjanjian perlu juga diterbitkan.

<sup>40</sup> Dobbs Ferry, N.Y.: Oceana Publications, 1981.

<sup>41</sup> Singapore: Butterworths (Asia), 1986.

<sup>42</sup> Kuala Lumpur: Kementerian Luar Negeri, 1968—

<sup>43</sup> Perkhidmatan ini diberi oleh Complete Information Search Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.